

Kadar GST dijangka kekal: Johari

➔ Kerajaan
pastikan sistem
cukai serasi
perbelanjaan
pengguna

Oleh Mahanum Abdul Aziz
dan Lum Chee Hong
bhbiz@bh.com.my

Kerajaan tidak bercadang membuat sebarang pelarasan dalam kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) buat masa ini memandangkan cukai kepenggunaan itu baru saja diperkenalkan.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata langkah terkini adalah memastikan sistem



Forum Megatrends Khazanah 2016

cukai yang diperkenalkan kurang daripada dua tahun itu dapat serasi dengan keseluruhan corak perbelanjaan pengguna di negara ini.

"Saya tidak fikir akan ada sebarang perubahan dalam GST buat masa ini," katanya ketika ditemui selepas menutup Forum Megatrends Khazanah 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas sama ada kerajaan akan mengurangkan kadar GST bagi merangsang perbelanjaan pengguna.

Mengenai sasaran mencapai defisit 3.1 peratus tahun ini, Johari berkata, sasaran defisit itu mampu dicapai.



Johari menyampaikan ucapan pada majlis penutup Forum Megatrends Khazanah 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, langkah tidak popular seperti melaksanakan GST dan merasionalisasikan subsidi adalah usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit negara.

Projek infrastruktur mega

Mengenai langkah kerajaan untuk merencanakan ekonomi negara, Johari berkata, pelaksanaan projek infrastruktur mega seperti MRT, LRT, kereta api berkelajuan tinggi dan Lebuhraya Pan Borneo adalah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, jika digabungkan semua projek infrastruktur yang dilaksanakan itu adalah berjumlah lebih RM150 bilion.

"Kita, melaksanakan projek infrastruktur ini untuk merangsang ekonomi dan pada masa ia akan memanfaatkan rakyat terutama untuk generasi akan datang," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Johari berkata, menangani isu membabitkan kesejahteraan rakyat dalam tempoh jangka pendek penting bagi memastikan asas yang kukuh sebelum merealisasikan matlamat jangka panjang.

Beliau berkata, dengan rangka kerja dasar yang mantap membolehkan negara terus berdepan sebarang kejutan luaran.

Katanya, adalah kritikal untuk negara membuat keputusan berda-

sarkan fakta dan data dalam berdepan cabaran semasa.

"Apa yang penting kita mesti menyeimbangkan matlamat jangka pendek dan panjang sementara memastikan ia memanfaatkan kesejahteraan rakyat pada masa kini dan masa akan datang," katanya.

Sebelum menyampaikan ucapan penutup, Johari bersama mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi melancarkan buku *Discovering Langkawi with Irshad Mobarak* pada forum itu.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar.